



11 MAR, 2026

Malakoff meterai lanjutan PPA empat tahun dengan TNB

Kosmo, Malaysia



Malakoff meterai lanjutan PPA empat tahun dengan TNB

PETALING JAYA – Malakoff Corporation Berhad (Malakoff) mengumumkan anak syarikatnya, Prai Power Sdn. Bhd. (PPSB) telah memeterai Perjanjian Pembelian Tenaga Elektrik (PPA) dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) lanjutan operasi stesen janakuasa turbin gas kitaran gabungan berkapasiti 350 MW, Stesen Janakuasa Prai (PPP) di Pulau Pinang selama empat tahun.

Lanjutan itu akan berkuat kuasa bermula tarikh operasi komersial berjadual, tidak lewat daripada 1 April 2026 dan akan berakhir pada 31 Mac 2030.

Ia susulan tamatnya tempoh PPA asal selama 21 tahun pada 19 Jun 2024 dan pelanjutan interim setahun berikutnya sehingga 31 Ogos 2025.

Kerjasama berterusan ini mencerminkan prestasi operasi PPP yang boleh dipercayai serta peranannya yang berterusan dalam menyokong bekalan elektrik di Semenanjung. Ia dijangka menyumbang secara positif

kepada pendapatan serta aset bersih Malakoff sepanjang tempoh perjanjian.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malakoff, Syahrulizam Samsudin berkata, lanjutan tersebut mengukuhkan peranan berterusan syarikat dalam menyokong keperluan tenaga negara yang semakin berkembang.

“Permintaan elektrik di Malaysia terus meningkat, khususnya dengan perkembangan industri seperti pusat data yang memerlukan bekalan tenaga yang stabil dan boleh dipercayai.

“Pelaksanaan PPA ini membolehkan PPP menyambung semula operasinya serta terus menyumbang kapasiti penjanaan yang boleh diharap kepada grid nasional.

“Dengan rekod operasi yang terbukti, stesen ini berada pada kedudukan yang baik untuk terus menyokong grid apabila permintaan elektrik terus berkembang,” katanya dalam kenyataan semalam.



SYAHRUNIZAM
SAMSUDIN